PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jangan terperdaya panggilan mencurigakan: David
Language: Malay
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Section: Tempatan
Date: 6 April 2022
Page: 3

# Jangan terperdaya panggilan mencurigakan: David

Oleh Kenneddy Corlleus

KOTA KINABALU: Orang ramai diingat agar tidak mudah terperdaya dengan taktik penipuan dilakukan sindiket scammer khususnya yang menggunakan nama penguat kuasa seperti polis, kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Presiden Persatuan Pengguna Bijaksana Pantai Barat Sabah, David Chan, berkata akhir-akhir ini ramai yang mudah percaya dan akhirnya terperangkap dengan panggilan palsu yang dibuat oleh kumpulan penipuan.

Menurut beliau, orang ramai perlu faham bahawa penguat kuasa tidak membuat siasatan melalui panggilan telefon, sebaliknya meminta individu berkenaan hadir ke balai polis atau pejabat LHDN.

"Mereka ini membuat panggilan dengan membuat pelbagai dakwaan seperti ada cukai tertunggak, nama digunakan untuk pinjaman bank, akaun bank diguna untuk aktiviti dadah dan pengubahan wang haram.

"Jangan sesekali percaya dengan panggilan seperti ini sebaliknya tamatkan perbualan dan telefon ke balai berdekatan atau bank yang berkenaan," katanya.

Beliau berkata, tidak ada mana-mana pihak boleh meminta butiran akaun bank, nombor pin dan apa sahaja maklumat berkaitan perbankan daripada orang ramai melalui panggilan telefon atau teks mesej.

Menyentuh perkara lain, beliau berkata, pengguna juga perlu bijak mengenal pasti peniaga yang diyakini menerusi platform online sebelum memuktamadkan sebarang pembelian.

"Pembelian depan mata pun ramai yang tertipu, inikan pula online, kedai pun tak ada. Jadi macam mana?

"Di sebalik obses ada segelintir pengguna membeli menggunakan platform online, mereka (pengguna) perlu lebih berhati-hati dan berani menggunakan hak pengguna sekiranya tertipu," katanya.